

## **Nestlé Menerajui Pasaran dengan 100% Tenaga Kerja Rakyat Malaysia**

### **SOROTAN UTAMA**

- Nestlé Malaysia mengalu-alukan kedatangan YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan (KPDNKK) ke Kompleks Kilang Shah Alam bersempena dengan Hari Pekerja.
- Nestlé Malaysia menerajui pasaran dengan menggunakan 100% tenaga kerja rakyat Malaysia dan akan terus memberi komitmen untuk menggaji rakyat Malaysia.
- Usaha Nestlé Malaysia ke arah produktiviti yang lebih tinggi dan pembangunan modal insan telah melaksanakan:
  - Lebih daripada 60,000 jam ke arah melatih tenaga kerja kilang yang bertaraf dunia.
  - Lebih daripada RM11 juta untuk latihan dan pembangunan semua tenaga kerja.
  - Produktiviti buruh berganda, pengurangan kos pengeluaran dan pembaziran dari tahun ke tahun melalui inisiatif *Kecermelangan Berterusan Nestlé*.

**SHAH ALAM, Mei 4, 2017** – Bersempena dengan Hari Pekerja, pengeluar makanan dan minuman terkemuka Nestlé (Malaysia) Berhad dengan bangganya meraikan tenaga kerja rakyat Malaysia mereka yang produktif. Untuk menyaksikan ini secara langsung, Kumpulan mengalu-alukan YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk melawat Kompleks Kilang Shah Alam Nestlé.

Kompleks Kilang Shah Alam Nestlé mempunyai sejarah hampir 40 tahun dan mengeluarkan pelbagai jenama Nestlé utama, termasuk NESCAFÉ, CERELAC dan produk-produk Sedia-Untuk-Diminum. Ketika lawatan tersebut, YB Dato' Seri Hamzah telah melawat pusat latihan serta kawasan loji pengeluaran kilang yang memaparkan proses pengeluaran yang cukup efisien. YB Dato' Seri Hamzah juga mengambil peluang untuk berinteraksi dengan beberapa pekerja tempatan yang telah lama berkhidmat bagi berkongsi pengalaman bekerja mereka dengan Nestlé.

YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin berkata, "Seiring dengan usaha kami untuk mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berpendapatan tinggi, pelaburan daripada syarikat-syarikat seperti Nestlé bagi memantapkan keupayaan pengeluaran dan pembangunan modal insan mencerminkan keyakinan pasaran global terhadap keupayaan dan prospek negara kita."

"Komitmen Nestlé terhadap pembangunan modal insan tempatan selama ini benar-benar patut dipuji. Ia adalah sangat penting untuk memupuk rakyat Malaysia yang berkemahiran tinggi untuk memacu negara dan merangsang pertumbuhan ekonomi sambil kita mengorak langkah akhir ke arah merealisasikan Wawasan 2020. Oleh itu, selaras dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan, pihak KPDNKK mengalu-alukan kerjasama dengan Nestlé dan syarikat-syarikat lain untuk memudahkan transformasi negara kita."

En. Alois Hofbauer, Ketua Pegawai Eksekutif bagi Nestlé (Malaysia) Berhad berkata, "Kami sentiasa mendahulukan rakyat Malaysia dalam proses pengambilan pekerja dan berbangga bahawa 100% daripada tenaga kerja kami terdiri daripada rakyat Malaysia. Kami mengasah potensi rakyat Malaysia yang kukuh dan membangunkan mereka menjadi tenaga kerja yang berdaya tahan, bertanggungjawab dan sangat produktif. Inilah yang memberikan kita kelebihan daya saing."

"Kami percaya akan potensi bakat rakyat Malaysia yang kukuh untuk memacu pertumbuhan bagi Syarikat kami. Pada tahun 2016 sahaja, kami telah melabur lebih daripada RM11 juta bagi program latihan dan pembangunan untuk semua pekerja kami dan telah memberi komitmen lebih daripada 60,000 jam ke arah melatih tenaga kerja kilang bertaraf dunia," En. Hofbauer berkata.

Inisiatif *Kecermelangan Berterusan Nestlé* (NCE) menerapkan budaya yang menggalakkan produktiviti berterusan di kalangan tenaganya yang terlatih. Sehingga kini, platform NCE telah menggandakan produktiviti tenaga kerja dan berjaya mengurangkan kos pengeluaran dan pembaziran dari tahun ke tahun. Produktiviti dan kecekapan tinggi Nestlé juga telah memastikan harga produknya yang berkualiti tinggi kekal berpatutan bagi semua rakyat Malaysia, yang menjadikannya lebih berdaya saing. Penjimatan produktiviti juga dilaburkan semula untuk membangunkan jenama-jenamanya demi pertumbuhan jangka panjang untuk perniagaannya.

“Kami percaya akan kemampuan bakat tempatan rakyat Malaysia dan komited untuk terus merekrut rakyat Malaysia yang terbaik, serta untuk melatih dan membangunkan mereka. Melalui komitmen ini, kita juga memenuhi matlamat Nestlé untuk meningkatkan kualiti hidup dan menyumbang kepada masa depan yang lebih sihat bagi rakyat Malaysia,” rumus Encik Hofbauer.

#### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 buah negara di seluruh dunia, dan seramai 328,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan serta memainkan peranan untuk membina masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

---

#### **Untuk maklumat lanjut:**

##### **Maxine Lim**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 5185

+6012-353 1337

E-mel: [Maxine.Lim@my.Nestle.com](mailto:Maxine.Lim@my.Nestle.com)

##### **Joanne Lim atau Yasmin Kadir**

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

+6012-304 7604 (Joanne) atau

+6017-237 9048 (Yasmin)

E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)